



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA**

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN
PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM AGC@UM 2022**

**1 NOVEMBER 2022
SELASA**

**AUDITORIUM TUN MOHAMED SUFFIAN
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Yang Berbahagia Dato' Professor Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor
Naib Canselor Universiti Malaya;

Yang Berbahagia Dato' Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin
Sabaruddin
Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya;

Yang Berusaha Tuan Mohd Iqbal bin Mohd Noor
Pengarah Bahagian Pengurusan
Jabatan Peguam Negara

Yang saya hormati Timbalan-Timbalan Dekan;

Barisan Pegawai dan Urus Setia Jabatan Peguam Negara;

Peserta Program AGC@UM 2022;

Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya maka kita semua dapat bersama-sama berkumpul di majlis penutup Program AGC@UM 2022 Jabatan Peguam Negara pada hari ini.
2. Di kesempatan ini saya mewakili Jabatan Peguam Negara ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya atas kesudian menjalinkan kerjasama dalam menjayakan Program AGC@UM 2022 Jabatan Peguam Negara. Alhamdulillah, saya dimaklumkan pada hari ini bahawa kira-kira **220 orang** mahasiswa dan mahasiswi terlibat menyertai program pada hari ini. Terima kasih sekali lagi.
3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada pengurusan tertinggi serta seluruh warga Universiti Malaya atas kejayaan tersenarai sebagai universiti nombor satu negara bagi tahun 2022 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *QS World University Ranking* baru baru ini. Syabas saya ucapkan.

YBhg. Dato'-Dato', hadirin dan hadirat yang saya hormati,

4. Penganjuran Program AGC@UM 2022 Jabatan Peguam Negara atau ringkasnya AGC ini merupakan salah satu platform untuk kami mendekati mahasiswa mahasiswi yang mengikuti pengajian bidang undang-undang di negara ini. Objektifnya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan fungsi dan peranan AGC. Selain itu, menjadi hasrat kami juga untuk memberikan maklumat yang tepat berkaitan laluan dan cabang kerjaya sebagai Pegawai Undang-Undang di Jabatan Peguam Negara.

5. Kehadiran saya pada hari ini di Fakulti Pengajian Undang-Undang khasnya dan Universiti Malaya amnya mengundang banyak nostalgia lama. Terlalu banyak yang telah saya pelajari dan lalui di universiti ini sebelum melangkah masuk ke alam pekerjaan. Bercakap dalam konteks kita pada hari ini, untuk menjadi pengamal undang-undang yang baik bukanlah sesuatu yang mudah. Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan kini amat sengit. Justeru setiap graduan perlu ada nilai tambah sebagai merit untuk diambil bekerja.

6. Pesan saya kepada mahasiswa dan mahasiswi semua, anda masih ada masa untuk mempelajari banyak perkara dengan merujuk dan bertanya kepada para pensyarah. Mark Twain penulis novel *The Adventures of Tom Sawyer*, telah menulis ungkapan berikut:

“Twenty years from now you will be more disappointed by the things you DID NOT do than by the ones you DID do. So throw off the bowlines. Sail away from the safe harbor. Catch the trade winds in your sails. Explore. Discover.”

YBhg. Dato'-Dato', mahasiswa dan mahasiswi yang saya hormati,

7. Dalam 2 sesi bersama pegawai AGC pagi ini, mahasiswa dan mahasiswi telah diberikan pendedahan tentang fungsi dan peranan AGC. Saya juga percaya dalam sesi tersebut para peserta telah diberi pendedahan sewajarnya berkaitan tugas Pegawai Undang-Undang AGC di Bahagian Penasihat, Bahagian Gubalan, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Pendakwaan, Bahagian Sivil, Bahagian Rayuan & Perbicaraan, Bahagian Penyemakan & Pembaharuan Undang-undang, dan Bahagian Syariah &

Pengharmonian Undang-undang. Dengan perkongsian maklumat tersebut, saya berharap ianya memberi satu perspektif baharu mahasiswa dan mahasiswi tentang kerjaya sebagai Pegawai Undang-Undang di sektor awam. Ini penting kerana AGC sering dilihat hanya menjalankan tugas-tugas pendakwaan sedangkan masih terdapat banyak lagi bidang tugas yang lain.

8. Kepada mahasiswa dan mahasiswi sekalian, adalah menjadi harapan kami di AGC agar program ini mampu membina persepsi kerjaya yang lebih tepat dan luas sebagai Pegawai Undang-Undang sektor awam. Siapa tahu ada di antara anda yang bakal menjawat jawatan Peguam Negara satu hari nanti. Insya Allah.

Hadirin dan Hadirat Yang Saya Hormati,

9. Saya tidak berhasrat untuk berucap panjang. Apa yang kami harapkan adalah agar program ini mampu membuka mata mahasiswa dan mahasiswi tentang peranan AGC dan laluan kerjaya bidang ini. Apatah lagi ceramah dan penerangan disampaikan sendiri oleh Pegawai Undang-Undang AGC yang berpengalaman.

10. Saya mengambil kesempatan ini mewakili Jabatan Peguam Negara ingin memohon maaf sekiranya ada sebarang kepincangan sepanjang menjayakan Program AGC@UM 2022 ini.

11. Kepada Naib Canselor, Dekan serta barisan pengurusan Fakulti Undang-Undang dan para peserta Program AGC@UM 2022, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kolaborasi yang terzahir dalam menjayakan program ini. Semoga ukhwah yang terjalin antara kita semua tidak terhenti selepas tamat program ini. Insya Allah.

Semoga kita berjumpa lagi.

Dengan Lafaz Suci Bismillah Hirrahman Nirrahim Saya Menutup Program AGC@UM 2022.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.